

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17/09/2017B

Kunjungan Najib ke AS, UK beri manfaat kepada MNC, GLC

um-17/9/2017 pg-3

KUALA LUMPUR 16 Sept. - Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) baru-baru ini membuka peluang dan manfaat kepada syarikat multinasional (MNC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk meningkatkan pelaburan di kedua-dua buah negara.

Pensyarah Kanan *Putra Business School*, Universiti Putra Malaysia, **Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata, polisi Presiden AS, Donald J. Trump sekarang lebih tertumpu kepada pasaran domestik AS yang menggalakkan syarikat-syarikat asing membuka kilang-kilang atau melabur di negara itu.

Selain itu, katanya, kemungkinan kerjasama lebih erat berbentuk Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) terjadi memandangkan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) mungkin tidak akan dimeterai dalam masa terdekat.

"FTA boleh membuka peluang kepada kedua-dua negara untuk meningkatkan lagi jumlah dagangan eksport dan import. Apabila FTA dimeterai, ini akan meng-



AHMED RAZMAN



SHAZALI ABU MANSOR



BAAYAH BABA

galakkan lebih banyak pelaburan dari AS ke Malaysia dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

"Selain itu, hubungan akrab Malaysia dan UK bakal menyaksikan tumpuan lebih khusus kepada negara ini, lebih-lebih lagi apabila Brexit berlaku kerana mereka perlu mencari rakan dagang yang boleh memberikan pulangan pelaburan lebih bagus dan tidak berharap kepada Kesatuan Eropah semata-

mata," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini, hari ini.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), **Profesor Dr. Shazali Abu Mansor** berkata, pelaburan dari AS dan UK sangat penting untuk Malaysia bagi mengimbangi ledakan pelaburan dari China pada waktu ini.

"Lawatan ini menjadi pemangkin bagi memenuhi dasar perdagangan di mana akhirnya per-

dagangan dengan semua negara di antara Malaysia dengan negara-negara luar akan meningkat disusuli dengan peningkatan peluang pelaburan dan pekerjaan," ujarnya.

Pensyarah Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Dr. Baayah Baba** pula memberitahu, perniagaan antara kedua-dua negara akan meningkat yang turut memberi kek ekonomi kepada peniaga-peniaga sederhana kecil di kedua-dua buah negara.

Jelasnya, lawatan Perdana Menteri ke AS dan UK bukan sahaja menggalakkan ekonomi, sebaliknya meningkatkan kerjasama dalam perkara-perkara lain termasuk politik, sosial dan keselamatan.

"Lawatan Perdana Menteri ke AS dan UK dapat memperkukuhkan hubungan antara Malaysia dengan negara-negara tersebut yang memberi manfaat bersama," ujarnya.

